



KENANGAN: Yakub (tengah) bersama tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan bersama para peserta.

UMS dampingi masyarakat Pulau Sepanggar

Oleh Yap Siong Han

UB 16.11.2022 P.12

KOTA KINABALU: Mahasiswa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program jangkauan luar serta khidmat masyarakat di Pulau Sepanggar, kelmarin.

Program tersebut disertai 122 pelajar dari Persatuan Pelajar Psikologi dan Pendidikan (PERMEPS) dan gabungan semua persatuan dan kelab di FPP.

Hadir sama, Naib Canselor UMSProf. Datuk Kasim Mansor, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Rosalam Sarbatly, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Raman Noordin dan Dekan FPP, Prof. Murnizam Halik.

Majlis perasmianya disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karambunai Datuk Yakub Khan.

Berucap pada majlis itu, Yakub mengalu-alukan kehadiran UMS dan menyifatkan program tersebut sebagai satu usaha yang boleh mengubah keadaan hidup masyarakat di pulau berkenaan.

“Pada masa sama, ia sekaligus mengubah persepsi salah mengenai penduduk yang tinggal di pulau ini yang sering dikaitkan dengan warna kulit, bahasa dan keturunan sebagai kumpulan pendatang.

“Penduduk di Pulau Sepanggar adalah orang asal yang telah mendiami pulau tersebut sejak zaman British lagi, yakni sebelum pembentukan Malaysia,” jelasnya.

Yakub berkata, Sabah sememangnya terkenal dengan kepelbagaian etnik dan kaum namun sentiasa hidup dalam keadaan yang harmoni.

“Sehubungan itu, peranan universiti mendekati komuniti ini adalah usaha terpuji sesuai dengan institusi universiti yang disegani dan dihormati,” katanya.

Terdahulu Kasim dalam ucapan alu-aluannya berkata, UMS akan terus komited dalam memastikan komuniti sekitar universiti terus mendapat sentuhan ilmu dari UMS.

“Lebih banyak aktiviti kemasyarakatan akan dipergiatkan oleh UMS pada masa akan datang.

“Ini mengambil kira bahawa masih banyak kawasan di Sabah yang belum menikmati kemajuan sepenuhnya, bertitik tolak dari sentuhan ilmu yang membuka minda dan mendukung inovasi,” katanya.

Ujar beliau, UMS bertekad menjadi peneraju komuniti berinovasi.

“Hal ini dapat dilakukan dengan perkongsian dan pemindahan ilmu dari kalangan pensyarah UMS yang mempunyai pelbagai kepakaran yang relevan dalam membangun komuniti,” katanya.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program tersebut termasuklah program Bahasa Inggeris, ceramah motivasi dan kepimpinan, serta acara sukan dan permainan di Sekolah Kebangsaan Pulau Sepanggar.

Turut diadakan aktiviti gotong-royong di Surau dan sekitar Kampung Pulau Sepanggar.